



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

YB MENTERI PERPADUAN NEGARA MENYANTUNI AHLI KELUARGA ENCIK MUHAMMAD HAWARI HASHIM PENDAKI EVEREST YANG HILANG

KEPALA BATAS, 6 Julai 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkesempatan menyantuni ahli keluarga Encik Muhammad Hawari Hashim iaitu peserta Program Malaysia Everest yang dipercayai hilang di kawasan pergunungan Everest selepas berjaya menawan puncak gunung tertinggi di dunia itu. Beliau merupakan kakitangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

Kunjungan ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan kepada ahli keluarga Encik Muhammad Hawari. Isteri beliau iaitu Puan Safiyyah Tang Xie Lie, 34 tahun merupakan seorang suri rumah sepenuh masa dan juga Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran. Pasangan ini mempunyai dua (2) orang anak iaitu Hana Sakeena, 4 tahun dan Haris Suffian, 2 tahun. Selain itu, menetap di rumah yang sama ialah Puan Che Tom Hassan, 64 tahun yang merupakan ibu kepada Encik Muhammad Hawari.

YB Menteri Perpaduan Negara menzahirkan agar sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarga ini setelah kehilangan ketua keluarga yang menjadi tempat mereka sekeluarga bergantung harap.

Sumbangan yang diserahkan merupakan hasil sumbangan warga muzium seluruh negara dan Persatuan Muzium Malaysia. Beliau menambah inisiatif seumpama ini akan diteruskan selaras dengan tanggungjawab Kementerian untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Sesi ini turut disertai oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Puan Haryany binti Mohamad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sempena lawatan kerja rasmi YB Menteri Perpaduan Negara ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Kota Kuala Kedah dan Galeria Perdana.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Julai 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (20)